



## UPM Menang 2 Daripada 3 Kategori Dalam Pertandingan Robot Universiti-Universiti Malaysia



*Pelajar sedang memperbaiki robot.*

**KANGAR, 3 Jan** – Universiti Putra Malaysia (UPM) membolot dua daripada tiga kategori pertandingan Robot Universiti-Universiti Malaysia (MURoc) 2010 yang pertama kali diadakan di negara ini di samping hadiah-hadiah sampingan.

Daripada tiga kategori utama dalam pertandingan tersebut iaitu *Paintball Robot Rope*, *Climbing Robot* dan *Fire Fighting*, UPM berjaya membolot dua hadiah utama iaitu *Paintball Robot* dan *Rope Climbing Robot*.

Juara daripada setiap kategori yang dipertandingkan ini membawa pulang wang tunai bernilai RM 1,500 dan trofi.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) itu disertai oleh kira-kira 170 penuntut yang mewakili 21 kumpulan dari tujuh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) termasuk politeknik.

Ketua Pasukan Paintball Robot UPM, Mohd. Safuan Mohd Somari, 25, pelajar tahun akhir Bachelour Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik berkata pasukannya yang dianggotai oleh tujuh penuntut kursus kejuruteraan telah melakukan banyak kajian untuk menghasilkan robot berkenaan.

“Persiapan dilakukan selama sebulan termasuk melakukan kajian terhadap permainan sebenar paintball,” katanya di sini.

Beliau berkata, sebelum ini pasukannya telah menyertai beberapa pertandingan dan pernah memenangi anugerah *Best Design Robot Robocon 2009* dan naib juara pertandingan Robogamez 2009.

Ketua Pasukan Rope Climbing Robot UPM, Mohd. Afiq Abdul Ghafar, 20, berkata pasukannya mengambil masa sebulan untuk mengubahsui dan melakukan ujian terhadap robot ciptaan mereka.

“Walaupun kami menasarkankan robot ini mampu melepasi kepantasan kurang 10 saat, kami masih berpuas hati dengan catatan masa pertandingan ini iaitu 14 saat,” katanya.

Pasukan berkenaan yang dianggotai oleh lapan penuntut kursus kejuruteraan menyifatkan kejayaan tersebut sebagai cabaran bagi menyertai beberapa pertandingan lain.

Selain itu, UPM turut dinobatkan sebagai naib juara bagi kategori *Fire Fighting*, Reka bentuk Terbaik kategori *Paintball* dan *Rope Climbing* serta *Special Award Industry*.

Penyelia kumpulan robot UPM, terdiri daripada Wan Zuha Wan Hasan dan Prof. Madya Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan, UPM.



*Kesemua pelajar-pelajar dan pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan yang memenangi hadiah dalam pertandingan Robot Universiti-Universiti Malaysia (MURoC).*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia